

21 Jun 2012

## Jangan terus lakukan jenayah

WARTAWAN SINAR HARIAN

21 Jun 2012



Antara OKP yang hadir mendengar taklimat yang disampaikan oleh Mohamad Fakri.

TITI GANTONG - Orang Kena Pengawasan (OKP) diingatkan supaya tidak melibatkan diri dalam kegiatan jenayah kerana mereka bakal menerima hukuman yang setimpal mengikut undang-undang yang ditetapkan.

Ketua Polis Daerah Perak Tengah, Superintendan Mohamad Fakri Che Sulaiman berkata, kebanyakan OKP tegar terlibat dalam kes dadah walaupun mereka ditahan sebelum ini.

Menurutnya, bermula dengan penglibatan dalam kes terbabit, ia akan menyumbang kepada pelakuan jenayah lain termasuk samun, ragut, rompak dan sebagainya.

"Mereka sanggup melakukan apa sahaja sehingga ada yang mencuri sawit, mencuri motosikal dan pecah rumah untuk mendapatkan wang bagi membeli dadah.

"Mereka juga memerlukan sekurang-kurangnya RM30 sehari bagi mendapatkan bekalan dadah. Apabila tidak bekerja dan sumber kewangan tiada, mereka akan mengambil jalan singkat dengan melakukan jenayah," katanya ketika ditemui semasa Majlis Perjumpaan Ketua Polis Daerah Perak Tengah dengan OKP Daerah Perak Tengah.

Tambahnya, Perak Tengah mempunyai seramai 326 OKP yang meliputi Balai Polis Seri Iskandar, Parit, Bota, Kampung Gajah dan Jejawi.

"Di kawasan Perak Tengah terdapat kawasan pertanian yang luas dan ia menjadi faktor yang menyebabkan kecenderungan untuk menagih dadah dengan lebih mudah.

"Apabila adanya tempat pertanian, maka ada banyak tempat tersorok yang membolehkan mereka mengambil kesempatan untuk melakukan perkara itu.

“Bukan itu sahaja, kes-kes kecurian melibatkan pertanian juga turut berlaku termasuklah kes curi sawit yang kita juga syaki mereka yang terlibat dengan dadah melakukannya,” katanya.

Mohamad Fakri memberitahu, golongan berkenaan diingatkan supaya tidak melakukan jenayah kerana boleh dijatuhkan hukuman melanggar syarat OKP iaitu tiga tahun penjara dan tiga sebatan.

“Kita mengadakan perjumpaan ini bertujuan untuk memberitahu mereka supaya tidak terlibat dengan masalah sosial.

“Mereka juga boleh menyalurkan maklumat kepada pihak kami sekiranya perlu dan kita amat mengalukan perkara itu,” katanya.